

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	11 March 2016



Ahli UMNO khianat perlu dikenakan tindakan tegas UM-11/3/2016

KUANTAN 10 Mac - UMNO Bahagian Kuantan kesal dan kecewa dengan tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad serta beberapa pemimpin lain yang turut bersama-sama pembangkang dalam gerakan yang dilihat cuba menjatuhkan Presiden UMNO dan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Ketuanya, Datuk Seri Wan Adnan Wan Mamat berkata, tindakan tegas perlu diambil termasuk memecat keahlian pemimpin UMNO yang terlibat.

"Kita sangat kecewa dan men-

gutuk sekeras-kerasnya tindakan kumpulan yang cuba menjatuhkan Datuk Seri Najib dan cubaan menggulingkan kerajaan dipilih rakyat melalui proses pilihan raya, dengan melancarkan pakatan Dr. Mahathir-pembangkang bagi menjatuhkan Perdana Menteri pada 4 Mac lalu.

"Tindakan Tun Dr. Mahathir, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Mukhriz Mahathir tidak boleh diterima dan kami mendesak tindakan tegas diambil terhadap mereka dengan melucutkan keahlian individu terlibat.

"Kita tidak mahu usaha UMNO menangani krisis persepsi dalam kalangan rakyat terus dikelirukan dan menjadi sukar oleh individu berkenaan yang secara berterusan menyerang Datuk Seri Najib," katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Ramah Mesra dan Taklimat Isu Semasa UMNO Bahagian Kuantan di sini semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua UMNO Bahagian, Datuk Seri Abdul Hamid Nazahar dan Naib Ketua UMNO Bahagian, Datuk Shafiq Fauzan Sharif.

Wan Adnan berkata, semua 60

cawangan UMNO bahagian sebulat suara akan terus menyokong dan membantu Najib dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat bagi memastikan semua perancangan untuk kepentingan rakyat dapat diteruskan.

Katanya, tidak ada sebab untuk menafikan kewibawaan Najib sebagai Perdana Menteri dan sebarang gerakan yang membelakangkan amanah dan mandat diberikan rakyat kepada kerajaan hari ini dikhuatiri boleh menggugat kestabilan negara serta situasi politik tanah air.